

**PANDANGAN MASYARAKAT DAN STATUS PERUNDANGAN
TERHADAP ANAK TIDAK SAH TARAF**

**Hamizah Muhammad¹
Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif²
Che Zuina Ismail³
Nor Adila Mohd Noor¹
Salimah Yahaya¹
Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali⁴**

ABSTRAK

E-JITU

Acceptance date:
1st September 2021

Valuation date:
15th September 2021

Publication date:
23rd November 2021

Anak tidak sah taraf (ATST) lazimnya dikaitkan dengan kanak-kanak yang dilahirkan di luar perkahwinan yang sah dan biasanya melalui hubungan seks luar nikah ataupun zina. Saban tahun angka statistic bilangan ATST yang direkodkan semakin membarah. Isu ATST antara perkara yang sering dibincangkan di Malaysia sama ada dari sudut fiqah atau undang-undang. Kertas kerja ini meneliti dan menganalisis kajian-kajian lepas berkaitan persepsi sebenar masyarakat terhadap anak tidak sah taraf serta keputusan kes-kes mahkamah berkaitan isu penasaban anak tidak sah taraf ini. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan analisis diskriptif yang melibatkan pengambilan data melalui kaedah kepustakaan. Hasil kajian mendapati responden dalam kajian-kajian lepas tidak berpandangan negatif terhadap anak tidak sah taraf. Akan tetapi, meskipun kajian ilmiah membuktikan masyarakat tidak berpandangan serong kepada anak tidak sah taraf, mereka yang memiliki anak tidak sah taraf tetap diselubungi kegelisahan dan ketakutan. Mereka risau, bimbang dan berasa terganggu dengan status anak tidak sah taraf anak mereka, mengakibatkan mereka mengemukakan permohonan kepada mahkamah supaya dapat menasabkan anak tidak sah taraf mereka dengan diri mereka sendiri. Di sini ianya jelas bahawa bagi menangani masalah anak tidak sah taraf ini ialah ianya perlu dimulakan dengan pemahaman dan penghayatan tentang syariat Islam di samping pembentukan akhlak. Apabila syariat Islam dipatuhi maka gejala anak tidak sah taraf tidak menular dalam masyarakat, dan kekusutan berkaitan isu penasaban anak tidak sah taraf ini tidak akan terus menggegarkan persada negara.

¹ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun. Email hamizahmuhammad@uitm.edu.my.

² Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam.

³ Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu.

⁴ Profesor Madya, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu.

Kata kunci: anak tidak sah taraf – zina – persepsi – mahkamah - perundangan

***PUBLIC PERCEPTION AND LEGAL STATUS ON
ILLEGITIMATE CHILDREN***

ABSTRACT

Illegitimate children are commonly associated with children born out of wedlock and usually through extramarital sex or adultery. Every year the statistical figure of the number of illegitimate children recorded is getting worse. The issue of illegitimate children is one of the things that is often discussed in Malaysia either from the point of view of fiqh or law. This paper examines and analyses past studies related to the real perception of society towards illegitimate children as well as the judgments of court cases related to the issue of adoption of illegitimate children. This study is qualitative in nature using descriptive analysis that involves data collection through library methods. The results of the study found that respondents in previous studies did not have a negative view of illegitimate children. However, even though scientific studies have shown that society does not have a skewed view of illegitimate children, those who have illegitimate children are still shrouded in anxiety and fear. They are worried, anxious and feel disturbed by the status of their illegitimate child, resulting in them submitting an application to the court to be able to register their illegitimate child to themselves. Here it is clear that in order to address the problem of illegitimate children, it is necessary to start with an understanding and appreciation of Islamic law in addition to the formation of morals. When Islamic law is complied with, then the symptoms of illegitimate children do not spread in society, and the confusion related to the issue of adoption of illegitimate children will not continue to shake the national stage.

Keywords: illegitimate child - adultery - perception - court judgment - legislation

PENDAHULUAN

Mengikut statistik pendaftaran kelahiran, seramai 25,567 anak tidak sah taraf didaftarkan dengan JPN sejak 2019 (Nor Fazlina, 2020). Statistik yang telah direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bahawa negeri Sabah, Sarawak, Selangor, Johor, dan Pahang mencatatkan jumlah kes kehamilan luar nikah yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Menurut Reffina Siong dan Merujuk kepada N.K. Tharshini (2020) dan Ahmad Syukran et al (2020), kehamilan luar nikah adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor berisiko seperti; agama, pergaulan bebas, orientasi seksual semula jadi, faktor keluarga, perkembangan teknologi, pengaruh rakan sebaya, status sosioekonomi dan tahap

pendidikan yang rendah. Justeru melihat kepada angka statistik mengenai ATST yang semakin membarah, kertas kerja ini meneliti dan menganalisis kajian-kajian lepas berkaitan persepsi sebenar masyarakat terhadap anak tidak sah taraf serta keputusan kes-kes mahkamah berkaitan isu penasaban anak tidak sah taraf ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan analisis diskriptif yang melibatkan pengambilan data melalui kaedah kepustakaan. Kaedah ini dipilih memandangkan ianya merupakan pendekatan terbaik bagi mendapatkan sorotan kajian lepas menerusi pelbagai buku, jurnal dan dokumen bagi melihat persepsi masyarakat terhadap ATST di samping meneliti teks-teks perundangan seperti akta Parlimen, enakmen negeri-negeri, surat pekeliling am serta keputusan kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah. Sumber perundangan ini diteliti bagi membentuk konsep dan skop analisis.

DEFINISI ANAK TIDAK SAH TARAF

Anak tidak sah taraf (ATST) merupakan satu istilah moden yang menggambarkan seorang anak yang dilahirkan di luar perkahwinan yang sah dari segi syarak. Menurut Azizah Mat Rashid et al. (2019), anak tak sah taraf disebut juga sebagai ‘anak zina’, walau bagaimanapun, sebutan itu dilunakkan sedikit menjadi ‘anak luar nikah’ sebelum dilunakkan lagi kepada ‘anak tidak sah taraf’. Kitab-kitab fiqh biasanya merujuk anak tidak sah taraf sebagai ‘walad al zina’ yang bermaksud ‘anak zina’ kerana merujuk kepada anak yang lahir di luar ‘aqad perkahwinan yang sah; iaitu zina (Irwan, Zulkifli & Luqman, 2015; Noraini & Ahmad, 2018). Sebagaimana yang kita sedia maklum, Islam melarang kita daripada menghampiri zina apatah lagi melakukan perbuatan zina itu sendiri. Allah berfirman dalam Surah al-Isrā’, ayat 32 yang bermaksud: “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakkan)” (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 17: 32). Berdasarkan ayat ini jelas bahawa perlakuan zina adalah satu perbuatan yang keji dan jalan yang membawa ke arah kerosakan. Pengharaman zina dalam Islam tidak lain tidak bukan kerana Islam begitu menjaga keharmonian umatnya. Bahaya yang lebih besar bukan sahaja akan menimpa pelaku zina bahkan seluruh masyarakat turut akan menerima tempiasnya (Hamizah, 2013) bila mana perlakuan zina tersebut menghasilkan anak tidak sah taraf, maka nasab keturunan seseorang musnah binasa.

Merujuk kepada pandangan para fuqaha, anak sah atau yang diistilahkan sebagai anak syarie, merupakan anak yang lahir hasil daripada tiga jenis pernikahan, iaitu;

(i) anak yang lahir daripada pernikahan yang sah, (ii) anak yang lahir daripada pernikahan fasid sebelum diketahui kefasidannya oleh keduanya, dan (iii) anak yang lahir daripada pernikahan syubhah (Zakiul Fuady, 2020). Definisi statutori bagi ATST boleh didapati melalui Seksyen 2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri yang mentakrifkan ATST sebagai anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah. Namun merujuk kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-57 yang bermuzakarah pada 10 Jun 2003, definisikan anak tak sah taraf diperincikan sebagai berikut:

1. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan anak perhambaan.
2. Anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dua lahzah (saat) mengikut takwim Qamariah daripada tarikh tamkin (persetubuhan).

Tafsiran yang lebih luas diberikan dalam fatwa negeri Selangor yang mentakrifkan anak tidak sah taraf sebagai:

1. Anak yang dilahirkan tanpa nikah sama ada hasil daripada zina, rogol atau melalui cara saintifik yang bertentangan dengan hukum syara'.
2. Anak yang dilahirkan kurang daripada 6 bulan 2 lahzah qamariah dari waktu tamkin dan bukan hasil daripada persetubuhan syubhat.
3. Anak yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan 2 lahzah qamariah dari segi waktu tamkin selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi syara' bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syara'.

Fatwa negeri Selangor ini dilihat bersifat kontemporari dengan mengiktiraf perkembangan sains dan teknologi moden dalam tafsiran anak tak sah taraf di mana fatwa tersebut turut mentafsirkan anak tak sah taraf termasuk anak yang lahir melalui kaedah saintifik yang bertentangan dengan hukum syarak (Azizah Mat Rashid et al. 2019). Namun begitu, sekiranya dibandingkan secara komparatif dengan pandangan fuqaha', bagi kes anak yang lahir daripada pernikahan fasid sebelum diketahui kefasidannya oleh keduanya, didapati bahawa ianya tidak disentuh oleh fatwa mahupun perundangan. Oleh itu, status anak yang lahir dalam keadaan sedemikian adalah masih samar.

Sehubungan dengan itu, Engku Muhammad Tajuddin dan Ahmad Tirmizi (2011) merumuskan anak tidak sah taraf boleh dibahagikan kepada empat iaitu;

1. Anak zina, iaitu anak yang lahir hasil daripada persetubuhan haram antara si bapa dan si ibu zina (iaitu tanpa ikatan perkahwinan yang sah dan bukan juga persetubuhan syubhah). Kategori pertama ini termasuklah anak yang terhasil daripada persetubuhan yang berlaku rentetan nikah yang tidak sah dan anak yang lahir kurang enam bulan qamariah selepas tarikh akad nikah.
2. Anak yang terhasil daripada jenayah rogol yang berlaku ke atas ibu anak tersebut.
3. Anak yang dinafikan nasabnya oleh bapanya melalui proses *li'an*.
4. Anak yang terhasil bukan melalui proses persetubuhan biasa, tetapi melalui proses percantuman sperma dan ovum yang bukan suami isteri melalui teknik perubatan moden. Dalam konteks anak kategori keempat ini, meskipun tidak berlaku persetubuhan, ianya masih lagi dianggap sebagai satu dosa besar dan kesannya boleh disamakan dengan zina.

Meskipun anak tidak sah taraf ini tidak diiktiraf dalam aspek penasaban, namun mereka tidak disisihkan dalam agama Islam. Islam adalah satu agama yang menekankan keadilan, kerahmatan dan kesamarataan. Allah SWT tidak berlaku zalim dengan menghukum seseorang terhadap perkara yang tidak dilakukannya (Hamizah, 2013). Hal ini jelas dinyatakan dalam al-Quran sebagaimana Firman-Nya yang bermaksud: Katakanlah: "(Sesudah Aku mentauhidkan Allah dan berserah diri kepada-Nya) Patutkah aku mencari Tuhan selain Allah, padahal Dia lah Tuhan bagi tiap-tiap sesuatu? dan tiadalah (kejahatan) yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya; dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja); kemudian kepada Tuhan kamulah tempat kamu kembali, lalu ia menerangkan kepada kamu akan apa yang kamu berselisihan padanya". (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 6: 164).

Dalam Islam, kemuliaan seseorang itu dinilai berdasarkan ketakwaan dan amalan yang dilakukan. Ketakwaan merupakan satu-satunya kayu ukur yang digunakan oleh Islam untuk berinteraksi dengan seseorang hamba. Oleh itu, anak tidak sah taraf juga seperti insan yang lain di mana jika matinya dalam Islam, maka tergolonglah dia dalam kalangan ahli syurga. Jika sebaliknya, iaitu mati dalam keadaan kufur atau syirik kepada Allah, maka termasuklah dia dalam kalangan ahli neraka. Seandainya matinya pula dalam keadaan fasik dan menderhakai Allah dan tidak pula sempat untuk bertaubat kepada-Nya, maka urusan dirinya itu terserah kepada Allah SWT sama ada dihukum atau dimaafkan (Muhammad Mustaqim dalam Jamaluddin & Basri, 2011).

ANALISIS PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP ANAK TIDAK SAH TARAF

Kajian ini menemukan beberapa kajian lepas berkaitan persepsi masyarakat terhadap anak tidak sah taraf. Reffina Siong dan N.K. Tharshini (2020) mendapati bahawa persepsi negatif daripada masyarakat sejagat telah memberi kesan kepada diri remaja khususnya dari sudut mental dan emosi sehingga mendorong mereka untuk membuang bayi tidak sah taraf yang telah dilahirkan. Namun pandangan ini disanggah oleh kajian Noraini (2019), yang mendapati bahawa dapatan tersebut hanya bersifat persepsi dan steriotaip lampau kerana seiring dengan perubahan masa, masyarakat umumnya telah memahami bahawa semua anak yang dilahirkan adalah bersih dan tidak terikat dengan dosa kedua ibubapa biologinya. Dengan erti kata lain, ATST mula diterima dan diberikan haknya sebagai seorang manusia; tidak boleh didiskriminasi dalam masyarakat sama sekali. Hasil kajian ini seiring dengan penemuan kajian oleh Noraini Aqilah dan Ahmad Munawar (2018) yang menjalankan kajian mengenai persepsi masyarakat Muslim di daerah Hulu Langat, Selangor terhadap anak tidak sah taraf. Menurut kajian ini, Negeri Selangor dipilih sebagai lokasi kajian memandangkan negeri tersebut merupakan antara negeri yang mempunyai bilangan statistik kelahiran anak tidak sah taraf yang tinggi di semenanjung Malaysia. Kajian ini merumuskan didapati masyarakat Islam di Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat tidak berpandangan serong terhadap anak tidak sah taraf. Melalui analisis soal selidik yang dilakukan, responden kajian bersetuju memberi layanan yang sama seperti orang lain kepada anak tidak sah taraf. Hal ini menggambarkan masyarakat sedar dan sensitif terhadap gejala anak tidak sah taraf ini

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Hamizah (2013) juga mengenalpasti persepsi sebenar masyarakat Islam di Terengganu terhadap anak tidak sah taraf. Kajian ini dilaksanakan bagi meninjau persepsi sebenar masyarakat Islam Terengganu terhadap anak tidak sah taraf memandangkan terdapat cadangan daripada exco Agama (pada ketika itu) untuk menasabkan anak tidak sah taraf kepada bapa biologi bagi menutup pandangan serong masyarakat terhadap anak yang tidak berdosa terbabit. Terdapat tiga persoalan kajian yang digarap dalam kajian tersebut iaitu: (1) Apakah jenis dan tahap persepsi masyarakat Islam di Terengganu terhadap anak tidak sah taraf?; (2) Adakah terdapat perkaitan signifikan antara pengetahuan dan persepsi masyarakat Islam di Terengganu terhadap anak tidak sah taraf?; dan (3) Adakah terdapat perkaitan signifikan antara pengetahuan dan sikap masyarakat Islam di Terengganu terhadap anak tidak sah taraf?. Secara keseluruhannya, fokus kajian tersebut adalah untuk mendapatkan persepsi masyarakat Islam di negeri Terengganu yang terdiri daripada tujuh daerah di Terengganu iaitu daerah Kuala Terengganu, Marang, Dungun, Kemaman, Hulu Terengganu, Setiu dan Besut terhadap anak tidak sah

taraf. Secara umumnya, kesemua pemboleh ubah iaitu persepsi (pemboleh ubah bersandar), pengetahuan dan sikap (pemboleh ubah tidak bersandar) ($M=4.57$, $SP=0.62$; $M=3.79$, $SP=0.61$; $M=3.92$, $SP=0.84$) menunjukkan min yang tinggi. Hal ini menggambarkan responden mempunyai persepsi yang positif dan persepsi positif mereka tersebut adalah tinggi terhadap perkara-perkara yang ada hubung kaitnya dengan anak tidak sah taraf.

Daripada dapatan kajian-kajian lepas, telah menemukan dapatan yang selari iaitu responden kajian tidak berpandangan negatif terhadap anak tidak sah taraf. Kesemua responden daripada kedua-dua kajian bersetuju untuk memberi layanan dan bersikap dengan sikap yang baik terhadap anak tidak sah taraf.

ANALISIS KEPUTUSAN MAHKAMAH BERKAITAN PENASABAN ANAK TIDAK SAH TARAF

Dari aspek perundangan, ATST tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya; disebut juga sebagai bapa biologi atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Ini adalah kerana, isu ATST akan memberi implikasi masa hadapan kepada hukum dalam pelbagai aspek seperti isu mahram, nasab, perwalian, nafkah, perwarisan dan hak penjagaan. Justeru menurut al-Zuhaili (2001), bagi membolehkan anak dinasabkan bapanya, kelahiran anak tersebut mestilah enam bulan daripada tempoh masa ia dibolehkan melakukan persetubuhan selepas akad perkahwinan. Melihat kepada implikasi yang timbul sebagai impak ATST ini, sebagai menjaga maslahat yang lebih luas, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali pertama yang bersidang pada 28-19 Januari 1981 telah membincangkan penamaan anak tak sah taraf (anak luar nikah) dan memutuskan bahawa ATST sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah dibin atau dibintikan kepada 'Abdullah'.

Akan tetapi, meskipun kajian akademik membuktikan masyarakat tidak berpandangan serong kepada anak tidak sah taraf, mereka yang memiliki anak tidak sah taraf tetap diselubungi kegelisahan dan ketakutan. Mereka risau, bimbang dan berasa terganggu dengan status anak tidak sah taraf anak mereka, mengakibatkan mereka mengemukakan permohonan kepada mahkamah supaya dapat menasabkan anak tidak sah taraf mereka dengan diri mereka sendiri. Terdapat beberapa kes di mahkamah berkaitan penasaban anak tidak sah taraf ini. Antaranya ialah kes yang diputuskan pada tahun 2012 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu. Kes ini merujuk kepada permohonan oleh seorang lelaki supaya Mahkamah membuat sabitan bahawa seorang bayi perempuan yang telah di'binti'kan Abdullah adalah anak sah taraf mengikut hukum syarak bagi dirinya dan pasangan. Dalam kes tersebut, dikemukakan bukti bahawa bayi

perempuan tersebut telah dilahirkan pada 3 September 2010 sebagaimana yang tertera pada sijil kelahiran. Manakala pemohon telah diakadnikahkan dengan pasangan pada 16 April 2010. Berdasarkan dua fakta ini, didapati bayi perempuan tersebut dilahirkan kurang dari enam bulan daripada tarikh akad nikah perkahwinan. Namun begitu, setelah meneliti fakta dan keterangan, Mahkamah telah membuat keputusan bahawa bayi tersebut hendaklah dinasabkan kepada kepada pemohon, tetapi dengan syarat bahawa pemohon tidak boleh menjadi wali kepada bayi tersebut dan juga tidak boleh saling mempusakai.

Selain itu, kes yang bermula sekitar tahun 2016 juga membabitkan permohonan pasangan suami isteri kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) supaya seorang kanak-kanak di'bin'ikan dengan nama lelaki tersebut di dalam sijil kelahirannya. Namun begitu, JPN enggan menggantikannya dengan nama bapa atas alasan kanak-kanak itu tidak sah taraf. Ibu bapa itu kemudian memfailkan permohonan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi tetapi ditolak pada 4 Ogos 2016. Mereka membuat rayuan di Mahkamah Rayuan, di mana pada 25 Mei 2017, Mahkamah Rayuan membenarkan semakan kehakiman mereka untuk mengarahkan Ketua Pengarah JPN menggantikan nama keluarga kanak-kanak berkenaan, iaitu 'Abdullah' dengan nama bapa kanak-kanak itu dalam sijil kelahiran. Namun, tanggal 13 Februari 2020, Mahkamah Persekutuan dalam keputusan majoriti 4-3, memutuskan anak orang Islam yang dilahirkan di luar ikatan perkahwinan atau tidak sah taraf, tidak boleh dibin atau dibinti dengan nama bapanya. Panel tujuh hakim dipengerusikan Presiden Mahkamah Rayuan, Datuk Rohana Yusof membenarkan sebahagian rayuan dikemuka Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Ketua Pengarah JPN dan kerajaan untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan. Dalam kes *Jabatan Pendaftaran Negara & lain-lain lwn Seorang Kanak-Kanak & lain-lain; Majlis Agama Islam Negeri Johor (Intervener)* [2020] 2 MLRA 487 tersebut, terdapat dua prinsip perundangan mengenai penasaban; bin/binti ATST:

1. ATST tidak boleh dibinkan dengan bapanya.
2. Ketua Pengarah JPN diperintahkan untuk mengeluarkan 'bin Abdullah' daripada sijil kelahiran kanak-kanak itu.

Mahkamah mendapati bahawa pasangan suami isteri di dalam kes ini beragama Islam, oleh demikian mereka adalah tertakluk atau terikat kepada perundangan Islam yang berkuatkuasa di negeri Johor. Di dalam penghakiman oleh Hakim Rohana Yusof, Azahar Mohamed, Mohd Zawawi Salleh & Idrus Harun, dinyatakan bahawa:

“Both MEMK and the 2nd respondent were Muslims and were married under Islamic law, and the birth of the child occurred in Johor. Thus, they were subjected to Islamic law as found in the State of Johor. In addition, it

was known and beyond doubt or dispute that an illegitimate Muslim child could not be ascribed the name of his father in Islam. This was made manifest when almost every State Legislation on the subject contained this clear injunction”.

Oleh dengan itu, seorang ATST tidak boleh sama sekali dinasabkan kepada bapanya kerana bercanggah dengan hukum syarak. Namun, dalam masa yang sama, Mahkamah memutuskan bahawa, penetapan ‘bin Abdullah’ pada nama ATST adalah berasaskan kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali pertama yang bersidang pada 28-19 Januari 1981 yang memutuskan bahawa semua ATST hendaklah dibin atau dibintikan kepada ‘Abdullah’. Dalam isu ini, Mahkamah memutuskan:

“As no fatwa on how to name an illegitimate child was gazetted in the State of Johor, the DGNR could not unnecessarily impose the fatwa of the National Fatwa Committee on the respondents. The said fatwa could only apply to the State of Johor by virtue of s 52(1) of the Administration of the Religion of Islam (State of Johore) Enactment 2003 (‘the Johor Enactment’), which required such a fatwa to be gazetted”.

Dengan erti kata lain, mahkamah memerintahkan JPN untuk mengeluarkan ‘bin Abdullah’ daripada ATST kerana ketiadaan fatwa yang diwartakan untuk membolehkan hukum tersebut. Oleh demikian, difahami bahawa pelaksanaan penetapan ‘bin/binti Abdullah’ adalah bergantung kepada fatwa yang diwartakan (Seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003).

Daripada kedua-dua kes ini, dapat difahami kekusutan berkaitan status anak tidak sah taraf ini telah mendorong kepada berlakunya isu berkaitan membin/bintikan anak tak sah taraf (Zulkifli 2017). Terdapat juga kajian lain yang mengupas isu penasaban anak tidak sah taraf kepada bapa biologi dari sudut pandang siasah syar’iyyah di Malaysia sebagaimana dilaporkan Lukman dan Mohamad Azhan (2016). Ini semestinya dengan alasan untuk menutup pandangan serong masyarakat terhadap kewujudan anak tidak sah taraf. Namun, isu ATST berkait rapat dan memberi kesan kepada hukum dalam pelbagai aspek di masa akan datang. Justeru, ianya perlu ditangani dengan sebaiknya kerana, hukum syarak harus menjadi keutamaan untuk ditegakkan, dan tidak wajar untuk diketepikan hanya semata-mata berlandaskan alasan negatif masyarakat. Apatah lagi, melalui penelitian yang dijalankan dalam kajian ini, yang mendapati bahawa respon dan penerimaan masyarakat terhadap ATST adalah bersifat positif.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hakikatnya, dari sudut pensyariat Islam, isu penasaban anak tidak sah taraf ini merupakan persoalan ijtihadiyyah. Hasil kajian mendapati, wujud perbezaan antara ulama dalam memahami teks hadis tersebut iaitu, (i) memahami berdasarkan zahir hadis atau (ii) memahami berdasarkan maqasid daripada hadis (Muhammad Adam et al (2020). Sebagaimana yang dijelaskan oleh Zulkifli (2017), hujah yang melarang dibinkan atau dibintikan anak tidak sah taraf kepada ayah biologinya adalah berdasarkan dalil kuat daripada nas al-Qur'an, hadith, amalan sahabat dan jumbuh fuqaha. Ini berikutan kepelbagaian implikasi hukum yang terbit daripada isu penasaban ini termasuk permasalahan aurat, hak penjagaan anak, perwalian, dan perwarisan harta pusaka (Muhammad et al, 2020). Dari sudut pensabitan nasab kepada ibu, pada semua keadaan kelahiran samada secara syarie atau tidak, anak tersebut kekal disabitkan kepada ibu. Akan tetapi, Islam tidak mengiktiraf pensabitan anak kepada bapa biologinya sekiranya kelahiran tersebut tidak syarie. Amalan menghubungkan anak-anak hasil daripada zina kepada nasab penzina merupakan amalan pada zaman Jahiliyyah yang telah dibatalkan oleh agama Islam.

Zulkifli (2017) seterusnya menghuraikan bahawa adalah bukan satu alasan yang kuat bagi mereka yang menuntut penasaban anak tidak sah taraf kepada bapa biologi bagi menutup malu dan aib kerana syariat Islam jelas menunjukkan larangan membinkan atau membintikan kepada selain bapanya yang sah melalui perkahwinan. Tambahan pula, dalam kes sebatan zina Islam memerintahkan supaya dilaksanakan secara terbuka. Ini menunjukkan bahawa malu dan aib bukan isu utama dalam perkara berkaitan anak tidak sah taraf.

Selain itu, penemuan kajian lepas yang telah dijalankan menunjukkan bahawa masyarakat Islam secara peribadinya tidak berpandangan serong kepada anak tidak sah taraf. Mereka memahami hakikat bahawa anak tidak sah taraf tidak bersalah di dalam hal ini (Hamizah, 2013). Justeru, perjuangan ibu dan bapa kepada anak tidak sah taraf supaya anak mereka didaftarkan dalam sijil kelahiran dengan bin atau binti bapa biologi bagi membendung pandangan serong masyarakat terhadap mereka ternyata tidak berasas. Sesungguhnya mudarat menyembunyikan status sebenar anak tersebut adalah lebih besar dibandingkan dengan tanggapan menjaga persepsi masyarakat. Apabila hakikat sebenar disembunyikan, ianya akan membuka kepada permasalahan yang lain seperti soal pembahagian faraid dan wali nikah bagi wanita.

Sebenarnya, punca utama masalah ini adalah tersebarnya budaya zina yang tidak terkawal. Sebaliknya, masyarakat perlu diberi pemahaman bahawa pemeliharaan nasab adalah termasuk dalam lima perkara maqasid syar'iyah (Noraini Aqillah & Ahmad Munawar, 2018). Bagi menjaga nasab, maka pernikahan disyariatkan buat

umat Islam manakala perbuatan zina diharamkan kerana perbuatan zina tidak memelihara nasab secara sah. Perlakuan zina adalah satu perbuatan yang keji dan jalan yang membawa ke arah kerosakan sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Isrā', ayat 32 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakkan)” (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 17: 32).

Di sini ianya jelas bahawa bagi menangani masalah anak tidak sah taraf ini ialah ianya perlu dimulakan dengan pemahaman dan penghayatan tentang syariat Islam di samping pembentukan akhlak. Apabila syariat Islam dipatuhi maka gejala anak tidak sah taraf tidak menular dalam masyarakat, dan kekusutan berkaitan isu penasaban anak tidak sah taraf ini tidak akan terus menggegarkan persada negara. Berdasarkan keputusan kes Jabatan Pendaftaran Negara & lain-lain lwn Seorang Kanak-Kanak & lain-lain; Majlis Agama Islam Negeri Johor (Intervener) [2020] 2 MLRA 487, setiap autoriti agama negeri-negeri sewajarnya mengambil pendekatan proaktif dalam membuat ketetapan yang tuntas berhubung dengan isu ini termasuk mewartakan fatwa penetapan ‘bin Abdullah’ pada nama ATST bagi membolehkannya dikuatkuasakan di dalam masyarakat.

RUJUKAN

- Abd Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md Dahlan. (2017) Mengandung Anak Tak Sah Taraf: Kajian Kes Di Daerah Kubang Pasu, Kedah. UUM Journal of Legal Studies 8, hlm. 17-55.
- Abd Hamid & Tg. Noor Azira Tg. Zainudin. (2019) Menangani Masalah Kelahiran Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Peranan Perundangan Jenayah Syariah dalam Masyarakat. Akademika 89 (Isu Khas 2), hlm 5-16.
- Ahmad Syukran Baharuddin, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Syahirah Abdul Shukor, Nik Salida Suhaila Nik Saleh dan Zulfaqar Mamat. (2020). Faktor-Faktor Penyumbang Kadar Kelahiran. Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN 2020) FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2001). Fiqh dan perundangan Islam. Jilid 7. Terj. Ahmad Shabari Salamon. Jilid 7. Ampang: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Mat Rashid, Noor Aziah Mohd Awal, Ahmad ‘Azam Mohd Shariff, Nor ‘Adha, Tg. Noor Azira Tg. Zainudin. (2019). Menangani Masalah Kelahiran Anak Tak Sah Taraf Di Malaysia: Peranan Perundangan Jenayah Syariah Dalam Masyarakat. Akademika : Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia Tenggara, 89 (201)

- Engku Muhammad Tajuddin, E. A., & Ahmad Tirmizi, T. (2011). *Penasaban Anak Tidak Sah Taraf*. Munaqasyah al-Syariah, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.
- Hamizah Muhammad. (2013). *Persepsi Masyarakat Islam Terengganu Terhadap Anak Tidak Sah Taraf*. Universiti Sultan Zainal Abidin. (Tesis Ijazah Sarjana).
- Irwan Mohd Subri, Zulkifli Hassan, & Lukman Abdul Mutalib. (2015). *Keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu Tentang Nasab Anak Tak Sah Taraf: Krisis Perundangan?*. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 1 (1).
- Jamaluddin, H., & Basri, I. (2011). *Hak-hak Anak Tidak Sah Taraf*. Seminar Perundangan Islam dalam Masyarakat Kontemporari. Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.
- Lukman Abdul Mutalib & Mohamad Azhan Yahya. (2016). *Isu Penasaban Anak Luar Nikah Kepada Bapa Biologi Dari Sudut Pandang Siasah Syar'iyah di Malaysia*. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016*. 22 & 23 November, hlm. 237- 253.
- Muhammad Adam Abd. Azid¹, Khadher Ahmad¹, Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir dan Rahim Kamarul Zaman (2020). *Hadis al-Walad li al-Firāsh wa li al-Āhir al-Ĥajar dan Pengaruhnya terhadap Fatwa Penasaban Anak Tak Sah Taraf di Malaysia*. *Jurnal Hadis*, 10(19): 478-486.
- Muhammad Nawwar Nasrullah dan Ahmad Bazli Ahmad Hilmi. (2020). *Undang-Undang Kehakiman di Malaysia dan Luar Negara: Analisis Kedudukan Anak Luar Nikah*. *E-Proceeding: Insan Junior Researcher International Conference (iJURECON) 2020*: 268-270.
- Najihah Zakaria Muhammad Ali. (2019). *Persepsi Masyarakat di Negeri Kedah tentang Status Sosial Anak Zina*. Disertasi Sarjana Universitas Islam Negeri Ar Raniry Banda Aceh.
- Nor Fazlina Abdul Rahim. (2020). *JPN kaji dasar pendaftaran anak tak sah taraf*: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/657401/jpn-kaji-dasar-pendaftaran-anak-tak-sah-taraf>: akses pada 14 februari 2021
- Noraini Aqilah Ismail & Ahmad Munawar Ismail. (2018). *Persepsi Masyarakat Muslim Dd Hulu Langat Terhadap Anak Tak Sah Taraf*. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 2 (2).
- Reffina Siong & N.K. Tharshini. (2020). *Isu Kehamilan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja di Malaysia: Satu Tinjauan Sorotan Literatur*. *Jurnal Psikologi Malaysia* 34 (4), hlm. 91-96.
- Zakiul Fuady Muhammad Daud dan Raihanah Hj. Azahari. (2020). *Analisis Keputusan Dan Metode Penghakiman Terhadap Pemberian Wasiat Wajibah Kepada Anak Tidak Sah Taraf Dalam Kes No. 0257/Pdt*. *Jurnal Fiqh*, 17(1): 1-32.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2017). *Isu Penamaan “Bin/ Binti” Abdullah Kepada Anak Tak sah Taraf oleh Mahkamah Rayuan*:



<http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/bayan-linnas/1714-bayan-linnas-siri-ke-106-isu-penamaan-bin-binti-abdullah-kepada-anak-tidak-sah-teraf-oleh-mahkamah-rayuan>: akses pada 11 Ogos 2017.